



17 JUN, 2025

Asia Pasifik perlukan AS\$90 trilion untuk tenaga

Utusan Malaysia, Malaysia



Asia Pasifik perlukan AS\$90 trilion untuk tenaga

KUALA LUMPUR: Asia Pasifik memerlukan pelaburan tenaga berjumlah AS\$90 trilion (RM382.1 trilion) sehingga 2050 bagi memenuhi keperluan ekonomi yang terus berkembang, sekali gus mencapai aspirasi sifar bersih.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petroliam Nasional Bhd. (Petronas), Tan Sri Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz berkata, rantau ini kini berada di persimpangan kritikal berikutan krisis pelbagai dimensi melibatkan ketegangan geopolitik yang memuncak, pasaran tenaga yang tidak menentu serta ancaman perubahan iklim yang semakin meningkat.

“Bagi memenuhi aspirasi pertumbuhan Asia, sambil mencapai sifar bersih, kira-kira AS\$90 trilion hanya untuk rantau ini diperlukan bagi pelaburan tenaga sehingga 2050,” katanya ketika berucap pada Persidangan Energy Asia 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam.

Katanya, tanpa pelaburan segera dan diselaraskan dalam sistem tenaga konvensional dan boleh diperbaharui, keselamatan tenaga Asia serta sasaran iklimnya berdepan risiko.

“Asia Pasifik yang menempatkan 60 peratus populasi dunia serta tiga daripada lima ekono-



TENGGU Muhammad Taufik Tengku Aziz pada Persidangan Energy Asia 2025 di KLCC, semalam.

mi terbesar, akan menyumbang separuh daripada permintaan tenaga global sehingga 2050.

“Bagaimanapun, jurang ketaksamaan masih ketara apabila beberapa ekonomi di rantau ini merekodkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita melebihi AS\$90,000 (RM382,229.88).

“Selain itu, sebahagian lagi berdepan kesukaran di bawah AS\$1,200 (RM5096.40) dengan

150 juta penduduk langsung tidak mempunyai akses kepada elektrik.

“Walaupun pelaburan dalam projek tenaga boleh diperbaharui semakin meningkat, bahan api fosil masih menjadi keutamaan dan merangkumi lebih 80 peratus campuran tenaga di rantau ini,” katanya.

Selain itu, pertumbuhan populasi serta perindustrian pesat berasaskan teknologi ke-

cerdasan buatan (AI) akan melonjakkan permintaan tenaga sehingga membentuk separuh penggunaan global menjelang 2050, dengan penggunaan elektrik bagi pusat data sahaja dijangka berganda dalam tempoh enam tahun akan datang.

Dalam pada itu, Tengku Muhammad Taufik berkata, campuran tenaga global perlu dipelbagaikan bagi memperkukuh daya tahan tenaga merentasi pelbagai ekonomi dan sektor.

Beliau berkata, portfolio bahan api rendah pelepasan karbon serta teknologi penurunan pelepasan yang lebih seimbang amat penting bagi memenuhi keperluan tenaga masa hadapan.

“Ini termasuk tong minyak rendah pelepasan, bahan api lestari, gas asli cecair (LNG) dari kawasan yang semakin mencabar, hidrogen sifar karbon, tenaga solar dan angin serta teknologi penangkapan karbon. Semua ini diperlukan.

“Selain itu, pelaburan juga perlu dipertingkatkan kerana tenaga kekal menjadi nadi pertumbuhan ekonomi. Pelaburan penting untuk memastikan tenaga terus tersedia dan mampu diperolehi.

“Kerajaan, institusi kewangan dan industri perlu berganding bahu bagi membuka akses pembiayaan,” katanya.